

‘KHAYR UMMAH’ DAN PERANANNYA DALAM KEBANGKITAN TAMADUN UMMAH MASA KINI¹

Oleh:

Prof Madya Dr Wan Suhaimi Wan Abdullah
Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilization (CASIS), UTM KL
wansuhaimi@ic.utm.my

PENDAHULUAN

Umum umat Islam kini, di mana-mana sahaja, sering memperkatakan tentang persoalan pembangunan ummah yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan, sama ada aspek pembangunan fizikal kebendaan seperti pembangunan ekonomi, pertanian, ketenteraan, pengangkutan dan sebagainya, mahupun aspek pembangunan kerohanian kemanusiaan seperti keagamaan, pendidikan, kemasyarakatan dan seumpamanya². Persoalan ini biasanya dikaitkan dengan pernyataan atau persepsi betapa umat Islam kini mundur dan ketinggalan dalam segala aspek berbanding umat lain. Pernyataan dan persepsi ini malangnya secara tidak langsung atau tanpa disedari digambarkan sebagai berpunca daripada Islam. Islam dikaitkan dengan kemunduran sehinggakan ada pihak-pihak tertentu yang jahil tentang kesyumulan Islam sebagai suatu agama dan cara hidup sanggup mengenehi atau menghadkan penghayatan keislamannya demi mengejar kemajuan dan pembangunan yang diimpikannya. Akhirnya syiar Islam hanya terserlah di tempat-tempat tertentu seperti di masjid-masjid dan pada masa-masa yang terhad

¹ Kertas ini telah dibentangkan di *Seminar Ketamadunan Ummah*, sempena harijadi T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang 2005, anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 9 Ogos 2005.

² Konsep pembangunan dalam Islam amat berbeza dengan apa yang difahami di Barat. Ia pastinya merangkumi pelbagai aspek pembangunan. Profesor Wan Mohd Nor Wan Daud telah mengemukakan suatu kupasan yang komprehensif tentang konsep dan pengertian ‘pembangunan’ atau lebih tepat lagi konsep ‘Pengislahan’ sebagaimana yang dicadangkan beliau. Ia bermaksud “peningkatan kesedaran insan akan tanggungjawabnya terhadap pelbagai hakikat dan perkara mengikut urutan keutamaan yang sah, dan amal perbuatan yang ikhlas, berhikmah, berani, sederhana dan adil”. Pembangunan sebegini tambah beliau lagi, “mengisyaratkan suatu kegiatan penting dan terancang yang menghasilkan kebaikan. Lain kata, ia merupakan suatu gerak dari keadaan buruk kepada baik, dari keadaan baik kepada yang lebih baik dan yang mengekalkan keadaan baik tersebut. Lawan lepada ma`na pembangunan yang sebenar mestilah keburukan, penyelewengan, kejahatan yang harus ditentang dengan segala upaya kita sebagai orang perseorangan dan sebagai sebuah Negara”. Lihat perbincangan beliau ini dalam Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC, hal.11-23.

seumpama pada hari Jumaat dan bulan Ramadan misalnya. Lebih malang lagi jika ada yang berani mengaitkan kemajuan dan pembangunan sesuatu umat dengan agama atau ideologi-ideologi lain selain Islam. Mereka seolah mengiktiraf bahkan mengagungkan kewibawaan agama atau ideologi selain Islam, walaupun tidak menganutinya, sebagai pemangkin kemajuan ummah. Ini mengundang sifat tidak lagi berbangga menjadi seorang Muslim dan seterusnya malu untuk menghayati dan hidup sebagaimana hidupnya seorang Muslim.

Tanpa mengaitkan gejala yang melanda umat Islam ini dengan mana-mana pihak yang bertanggungjawab langsung membendung masalah ini atau yang memainkan peranan dalam mempromosikan persepsi yang mengelirukan ini, makalah hari ini akan cuba mengetengahkan beberapa ciri dan kriteria penting individu dan umat Islam berasaskan ayat Surah *Ali `Imran* (3: 110). Pemerhatian terhadap intisari ayat ini diharap dapat menambah atau memperlengkapkan persepsi kita umat Islam bila memperkatakan tentang realiti umat Islam dan pembangunannya.

Dalam Surah *Ali `Imran* (3: 110) Allah SWT berfirman³:

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله،
ولو ءامن أهل الكتاب لكان خيرا لهم منهم المؤمنون وأكثرهم الفاسقون (آل
عمران، 3: 110)

³ Bandingkan dengan *Ali `Imran*, 3: 104 “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma`ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung (*muflihin*)”; *Ali `Imran*, 3:114 “Mereka beriman kepada Allah SWT dan hari penghabisan mereka menyuruh kepada yang ma`ruf dan mencegah dari yang munkar dan bergegas kepada (mengerjakan) pelbagai kebajikan; mereka itu termasuk orang-orang yang saleh (*salihin*)”; *al-Tawbah*, 9: 71 “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma`ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”; *al-Tawbah*, 9: 112 “Mereka itu adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji (Allah), yang melawat, yang ruku`, yang sujud, yang menyuruh berbuat ma`ruf dan mencegah berbuat munkar dan yang memelihara hukum-hukum Allah. Dan gembiralah orang-orang Mu`min itu”; *al-Hajj*, 22: 41 “(Yaitu) orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang ma`ruf dan mencegah dari perbuatan yang munkar, dan kepada Allah-lah kembali segala urusan” dan *Luqman*, 31: 17 “Hai anakku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang munkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah) (*`azm al-`umur*)”.

Maksudnya: “Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahlu al-Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik”

Umat Islam adalah umat yang terbaik di kalangan umat-umat lain di dunia ini. Inilah yang sepatutnya⁴. Fakta dan keistimewaan ini tidak boleh kita nafikan atau mengambil mudah terhadapnya. Penganugerahan dan pengiktirafan darjat ini kepada umat Islam bukannya berasaskan penilaian dan pengiktirafan mana-mana badan atau individu manusia yang banyak dipengaruhi dan dibayangi kepentingan dan hasrat tertentu. Ia bukan sebagaimana dakwaan bangsa Yahudi yang mendakwa bahawa mereka adalah bangsa terpilih, suatu dakwaan yang tidak berasas yang seterusnya dijadikan alasan untuk menakluki dan menindas bangsa-bangsa lain khususnya umat Islam di Palestin. Sebaliknya, penganugerahan dan pengiktirafan ke atas umat Islam ini datangnya dari Allah SWT, Tuhan sekalian alam, Tuhan yang mencipta dan mentadbir segala makhluk termasuk manusia. Siapa yang lebih berautoriti dalam menilai kualiti sesuatu umat selain dari Tuhan yang Maha Mengetahui hakikat ciptaan dan kewujudan umat itu?⁵

Sebagaimana pelbagai anugerah darjat kebesaran dan pangkat jawatan yang diberikan kepada mana-mana individu manusia menanggung tanggungjawab tertentu yang perlu dijaga dan diusahakan oleh penerima anugerah, begitu juga dengan anugerah dan pengiktirafan yang dikurniakan Allah SWT kepada umat Islam ini. Ia merupakan suatu amanah yang dipertanggungjawabkan, suatu amanah yang pasti akan dipersoalkan. Kegagalan menjalankan tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya akan mengundang

⁴ Terdapat berbagai tafsiran tentang siapakah yang dirujuk sebagai ‘Khayr Ummah’ dalam ayat ini. Ada yang menghususkannya kepada para Sahabat r.a. dan ada yang mengumumkannya kepada seluruh umat Nabi Muhammad s.a.w. Walau bagaimanapun, pandangan yang menyebutnya sebagai merangkumi seluruh umat Muhammad s.a.w. atau yang lebih spesifik lagi kepada mereka yang mendokong dan memiliki kriteria-kriteria Mukmin sebenar, lihat al-Qurtubi (t.t.), *Tafsir al-Qurtubi*, Kaerah: Dar al-Rayyan li al-Turath, 2: 1412; Ibn Kathir (2000), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, tahqiq: Mustafa al-Sayyid Muhammad *et. al.*, Giza: Mu’assasah Qurtubah, 3: 141 dan 159; Fakh al-Din al-Razi (t.t.), *al-Tafsir al-Kabir*, Beirut: Dar ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, jil. 7-8: hal. 178-179; dan al-Suyuti (1993), *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma’thur*, Beirut: Dar al-Fikr, 2: 293-294. Apa yang menarik dalam ayat ini ialah perbandingan dengan sifat-sifat Ahli Kitab yang tidak beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w., bahkan ada yang tidak beriman dengan Allah SWT malah kebanyakan dari mereka adalah fasiq. Oleh itu mereka terkeluar dari kelompok ‘Khayr Ummah’, lihat Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur’an l-‘Azim*, 3: 159.

⁵ Perhatikan misalnya *al-Baqarah*, 2: 21-22; *al-Nisa’*, 4: 1; *al-A’raf*, 7: 10-12 dan 172; *al-Nahl*, 16: 4-18 dan *al-Hajj*, 22: 5.

padah kepada penerima anugerah tersebut. Jika ia melibatkan penganugerahan darjat kebesaran keduniaan, ia mungkin akan kehilangan darjat tersebut. Begitu juga dengan penganugerahan jawatan atau pangkat tertentu, ia mungkin akan dilucutkan jawatan dan diturunkan pangkatnya. Namun, jika ia melibatkan rahmat dan nikmat dari Allah SWT, yang merupakan asas kualiti sebenar kewujudan manusia di dunia ini, ia akan menanggung risiko kemurkaan dan bala Allah SWT, suatu risiko yang tiada siapapun dapat melepaskan diri daripadanya. Firman Allah ketika menggambarkan sifat manusia dan umat terdahulu:

ولقد أرسلنا إلى أمم من قبلك فأخذناهم بالبأساء والضراء لعلهم يتضرغون
(الأنعام، 6: 42)

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan (rasul-rasul) kepada umat terdahulu sebelum kamu, kemudian Kami siksa mereka dengan kesengsaraan dan kemelaratan agar mereka bermohon kepada Allah SWT dengan tunduk merendah diri”

Dan firmanNya lagi:

تالله لقد أرسلنا إلى أمم من قبلك فزين لهم الشيطان أعمالهم فهو وليهم اليوم
ولهم عذاب أليم (النحل، 16: 63)

Maksudnya: “Demi Allah, sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami kepada umat sebelum kamu, tetapi syaitan menjadikan umat itu memandang baik perbuatan mereka (yang buruk), maka syaitan menjadi pemimpin mereka di hari itu dan bagi mereka azab yang sangat pedih”

Oleh yang demikian, bila mana kita membaca sesuatu darjat dan anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat Islam dalam catatan azaliNya al-Qur'an, kita patut dan mesti mengambil dan menjaganya dengan sepenuh kesedaran dan tanggungjawab⁶. Kita perlu sedar bahawa Allah SWT yang menganugerahkan darjat ini Maha Mengetahui tentang kelayakan kita⁷. Dia sentiasa memantau komitmen kita dan

⁶ Renungi misalnya *al-Baqarah*, 2: 85; *al-'Anfal*, 8: 27; *al-Mu'minun*, 23: 8 dan *al-Ma'arij*, 70: 32.

⁷ Ini berdasarkan penegasan al-Qur'an misalnya dalam *Ali 'Imran*, 3: 73; *al-Nisa'*, 4: 32 dan *al-Ahzab*, 33: 72.

pastinya menepati janjinya untuk memberikan ganjaran baik atau buruk, setimpal dengan kualiti komitmen kita terhadap tanggungjawab darjat tersebut⁸. Kita juga mesti bertanggungjawab dan perlu sentiasa berazam dan berusaha untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab darjat itu sebaik dan seupaya mungkin⁹.

KRITERIA PENTING *KHAYR UMMAH*

Dalam ayat Surah *Ali `Imran* (3: 110) di atas, darjat ‘sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia’ (*khayr ummah ukhrijat li al-nas*) dikaitkan dengan tiga kriteria atau ciri iaitu:

Kriteria Pertama: (*Ta`murun bi al-Ma`ruf*) Menyuruh berbuat yang kebaikan (makruf)

Komitmen dalam menyeru kepada perkara yang makruf adalah suatu kewajiban bagi seluruh umat Islam dalam pelbagai perkara dan hal ehwal kehidupan. Ia adalah tugas dakwah yang wajib didokong oleh setiap Muslim kerana setiap individu Muslim adalah pewaris tugas tinggalan Nabi s.a.w., tugas yang berupa ‘makruf’ yang agung iaitu menyebarluaskan agama Islam kepada seluruh alam. Firman Allah SWT dalam Surah *al-Anbiya`*, (21: 107):

وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين

Maksudnya: Dan tidaklah Kami utuskan kamu (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk sekalian alam

⁸ Dalam al-Qur’an kita dapati banyak ayat-ayat yang memperkatakan bahawa Allah SWT sentiasa memantau pergerakan, perbuatan, hatta niat dan lintasan hati manusia. Semuanya dicatat dan ambil kira dalam menilai dan memberi ‘kredit’ kepada manusia. Lihat misalnya *al-Baqarah*, 2: 29, 33, 77, 85, 95-96, 255; *Ali `Imran*, 3: 29, 171-174 dan *al-`An`am*, 6: 3.

⁹ Firman Allah SWT dalam Surah *al-`Anfal*, 8: 27 dengan tegas menyebut: “Hai orang-orang yang beriman, jangan-lah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui”. Sifat orang Mukmin pula disebut antaranya sebagaimana dalam Surah *al-Mukminun*, 23: 8 ialah “Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya”. Dan ini sememangnya bertentangan dengan sifat golongan munafik yang digariskan oleh sebuah hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari sebagai “... apabila berkata-kata dia tipu, apabila berjanji dia munkiri dan apabila diamanatkan (sesuatu) dia khianati”, lihat Ibn Hajar al-`Asqalani (1986), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath, Bab `Alamat al-Munafiq, 1: 111-113.

Tambahan lagi, jika dihayati hakikat dan misi Islam secara menyeluruh, ia boleh dikatakan sebagai suatu himpunan makruf yang lengkap, makruf yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan yang menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ini bermakna, matlamat tertinggi menyeru kepada perkara makruf itu sebenarnya adalah menyeru kepada keimanan, kefahaman dan penghayatan Islam yang menyeluruh. Ia juga adalah suatu penegasan bahawa apa yang di luar Islam dan tidak diiktiraf oleh Islam sebenarnya adalah suatu yang bukan makruf atau ‘mungkar’ yang mesti dijauhi walaupun kadang-kadang ia kelihatan seakan suatu yang ‘makruf’¹⁰. Ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah *Ali`Imran*, (3: 85):

ومن يبتغ غير الإسلام دينا فلن يقبل منه وهو في الآخرة من الخاسرين

Maksudnya: Dan barangsiapa yang mencari selain dari Islam (sebagai pegangan agamanya) maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk dalam golongan yang rugi

Dari aspek yang lain pula, jika tugas menyeru kepada perkara yang makruf itu adalah suatu tanggungjawab setiap Muslim, maka secara pastinya tugas mendengar, memikirkan dan menerima serta beriltizam dengan makruf itu adalah juga merupakan tanggungjawab setiap Muslim kerana umat Islam adalah umat yang sentiasa menerima yang baik dan beriltizam dengan apa yang diperkatakannya. Dalam Surah *al-Baqarah*, 2: 195:

ولا تلقوا بأيديكم إلتاهلكة وأحسنوا إن الله يحب المحسنين

Maksudnya: “... dan janganlah kamu membiarkan dirimu terjerumus ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”¹¹

Dalam konteks yang lain pula kita dapati Allah SWT mengingatkan kita dalam Surah *Saf*, (61: 2):

¹⁰ Lihat misalnya amaran al-Qur’an dalam surah *al-Baqarah*, 2: 216 apabila Allah SWT menjelaskan tentang hakikat Jihad maksudnya “Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui”.

¹¹ Bandingkan dengan *al-Nahl*, 16: 90 dan *Fussilat*, 41: 34.

يا أيها الذين آمنوا لم تقولون ما لا تفعلون كبر مقتا عند الله أن تقولوا ما لا
تفعلون

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman mengapa kamu memperkatakan apa yang tidak kamu lakukan? Allah SWT amat membenci tindakan kamu memperkatakan apa yang kamu tidak kerjakan”

Berdasarkan kenyataan di atas, kriteria ‘menyuruh kepada yang makruf’ itu bukanlah suatu yang mudah sebagaimana mudahnya pengucapan dan slogannya. Ia menuntut usaha mempersiapkan diri dengan ilmu tentang apakah makruf yang hendak dan perlu digalakkan di samping aspek kekuatan, kesedaran dan kesediaan untuk memperkata, menerima dan melaksanakan makruf yang dianjurkan secara penuh tanggungjawab dan konsisten.

Kriteria Kedua: Mencegah Dari Perkara Yang Mungkar (*tanhawn`an al-munkar*)

Seiringan dengan hakikat di atas, misi menyeru dan ‘menyuruh kepada perkara makruf’ tidak akan lengkap tanpa disertakan dengan kesungguhan dan ketegasan dalam ‘mencegah dari perkara mungkar’¹². Dalam sebuah hadis, Nabi s.a.w. telah menjelaskan bahawa langkah menegah kemungkaran boleh dilakukan, berasaskan kemampuan dan hikmah, dalam tiga peringkat sama ada dengan tindakan fizikal, pendekatan nasihat lisan mahupun menanam perasaan benci terhadap mungkar tersebut di dalam hati¹³.

Demi keberkesanan peranan dan misi ini, umat Islam khususnya mereka yang disasarkan seruan tersebut mestilah memiliki kualiti azam dan nekad yang baik untuk tunduk akur dengan teguran yang ikhlas. Dalam konteks ini, perlu diingatkan bahawa ketegasan dalam ‘menegah dari perkara mungkar’ bukanlah tiket untuk menekan dan

¹² Perlu diingatkan bahawa tugas dan amanat ini walaupun merupakan tugas dan tanggungjawab umum, namun ia tidak harus dikaitkan dengan kewajiban peribadi atau fardu `ain. Imam al-Qurtubi ketika menghuraikan ayat Surah *Ali`Imran*, 3: 104 menjelaskan bahawa tugas ‘amar makruf nahi munkar’ ini adalah fardu kifayah. Lihat al-Qurtubi, *Tafsir al-Qurtubi*, 2: 1407. Oleh itu ia sama sekali tidak wajar disenaraikan sebagai salah satu usul akidah sebagaimana yang ditegaskan oleh golongan al-Mu`tazilah. Lihat pandangan al-Mu`tazilah ini misalnya Faisal Badir `Aun (1982), *Ilm al-Kalam wa Madarisuhu*, Kaherah: Maktabah al-Hurriyyah al-Hadithah, hal. 224-226.

¹³ Lihat Muslim, *Sahih*, Kitab `Iman, hadith 49; Abu Dawud, *Sunan*, Kitab Salah: Bab al-Khutbah Yawm al-`Id, hadith 1140; al-Nasa`i, *Sunan*, Kitab `Iman: Bab Tafadul `Ahl al-`Iman; dan al-Tirmidhi, *Sunan*, Kitab Fitn: Bab ma ja`a fi Taghyir al-Munkar bi al-Yadd, hadith 2173, lihat Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur`an al-`Azim*, 3: 138.

memandang rendah orang lain, manakala ketundukan serta keakuran golongan sasar terhadap misi ‘mencegah’ itu juga sama sekali tidak bermakna mereka lemah dan kalah. Ketegasan dan ketundukan kedua-dua pihak ini mestilah dibina di atas dasar kebenaran dan tanggungjawab kepada Allah SWT semata-mata. Dalam hal ini personaliti dan individu ‘penyeru kepada makruf’ dan ‘pencegah kemungkaran’, siapapun dia, bukanlah penentu sebenar keabsahan misinya walaupun tidak dinafikan peranan yang dimainkannya. Bahkan, nilai dan kedudukan individu pendokong misi ini juga tertakluk dan bergantung sepenuhnya kepada kualiti kebenaran yang dibawa dan tanggungjawab yang dipikulnya.

Kedua-dua misi di atas tidak patut dilihat sebagai dua misi yang berasingan secara mutlak. Kedua-dua misi ini sebenarnya dapat diusahakan dan dilaksanakan secara serentak, dengan maksud bahawa sesuatu usaha yang dilaksanakan dan sebarang hasil yang tercapai dari misi ‘menyeru kepada yang makruf’ itu sebenarnya, dilihat dari suatu sudut yang lain, merupakan usaha dan kesan positif bagi misi ‘mencegah perkara yang mungkar’. Seseorang Muslim yang menyeru kepada sikap bersatu padu dan sayang menyayangi sesama umat Islam misalnya, dia sebenarnya pada masa yang sama sedang melaksanakan misi mencegah kemungkaran berpecah belah dan salin membenci di antara umat Islam. Oleh yang demikian, sikap bersatu padu ummah, yang merupakan makruf yang diseru itu, adalah merupakan suatu realisasi ‘tidak berpecah belah’, yang merupakan mungkar yang ditegah. Seseorang yang suka ‘bersatu padu’, dia juga adalah individu yang tidak suka ‘berpecah belah’. Begitulah seterusnya dengan pasangan makruf dan mungkar dalam segenap aspek kehidupan seumpama rajin dan malas, cemerlang dan mundur, berjaya dan gagal dan seterusnya, kesemuanya adalah hasil ‘menyeru kepada yang makruf’ dan ‘mencegah yang mungkar’. Dengan itu, seseorang yang melakukan suatu aktiviti makruf, dia sebenarnya tidak ‘perlu’ untuk memperuntukkan suatu aktiviti lain dalam menjauhi kemungkaran, kerana ketika mana dia melaksanakan makruf, dia juga pada masa yang sama meninggalkan yang mungkar¹⁴.

¹⁴ Penjelasan ini saya adaptasikan dari apa yang saya faham dari konsep wajib-haram dan sunat-makruh dalam Islam. Kedua-dua pasangan hukum adalah himpunan dua hukum yang bertentangan. Ia bermaksud sesuatu yang ‘haram dilakukan’ itu adalah ‘wajib ditinggalkan’ dan sebaliknya sesuatu yang ‘wajib dilakukan’ itu adalah ‘haram ditinggalkan’. Begitu juga sesuatu yang ‘sunat dilakukan’ adalah ‘makruh ditinggalkan’ dan sebaliknya sesuatu yang ‘makruh dilakukan’ adalah ‘sunat ditinggalkan’. Jika direnungi kedua-dua pasangan hukum ini, kita dapati bahawa dari satu aspek untuk

Kriteria Ketiga: Beriman Kepada Allah SWT (*wa tu'minuna bi l-Lah*)

Beriman kepada Allah SWT sebenarnya adalah asas bagi kedua-dua misi di atas¹⁵. Ia seolah-olah menegaskan bahawa segala perancangan dan usaha menyeru kepada perkara yang makruf dan melarang serta menghalang perkara yang keji dan mungkar hendaklah berasaskan niat, motivasi, seruan, landasan, neraca, dorongan dan hasil keimanan kepada Allah SWT. Misi ini hendaklah mengandungi erti keikhlasan dan semata-mata demi mencari keredhaan Allah SWT dan sekali-kali tidak kerana dorongan dan agenda selainnya termasuklah dorongan pangkat, kemasyhuran, kebendaan dan sebagainya.

Syarat-syarat ini tertakluk dan terpakai bukan sahaja ke atas pendokong amanah menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkaran, namun hal dan kualiti yang sama juga terpakai kepada orang yang disasarkan seruan dan tegahan di atas. Ini bermaksud, kalaulah pendokong amanah itu melaksanakan amanahnya demi iman dan keyakinan kepada Allah SWT, maka penerima amanah dan mereka yang akur terhadap gesaan dan seruan berkaitan makruf dan mungkar juga hendaklah menerimanya berlandaskan iman dan ketaqwaan kepada Allah SWT, bukan kerana individu atau agenda tertentu.

Dari aspek yang lain pula, penegasan unsur iman kepada Allah SWT ini juga patut difahami dengan maksud bahawa usaha dakwah melaksanakan yang makruf dan menjauhi yang mungkar itu semestinya berpandukan makruf dan mungkar yang digariskan oleh Allah SWT dalam agamanya. Ini bermaksud bahawa makruf yang hendak dipromosikan hendaklah makruf yang diiktiraf oleh agama Islam berdasarkan nas-nasnya yang jelas dan bukannya makruf yang ditetapkan oleh pertimbangan akal manusia semata-mata. Begitu juga halnya dengan mungkar yang hendak dielakkan dan

mendapatkan pahala 'wajib' atau fardu dan pahala sunat kita perlu melakukan sesuatu gerak kerja atau ibadat, manakala dari satu aspek yang lain kita dapat perhatikan bahawa dengan hanya meninggalkan sesuatu aktiviti dan tidak melakukan apa-apa pun kita juga berpeluang untuk dirahmati dengan pahala yang sama. Ini mungkin terlaksana dalam kes-kes tertentu dan tidak pada semua perkara. Walau bagaimanapun, jika dapat dilaksanakan kedua-duanya serentak, ia akan lebih lengkap dan sempurna. Oleh yang demikian, kita dapati tuntutan *amar makruf* dan *nahi munkar* atau konsep *Tarhib* dan *Tarhib* biasanya digandingkan bersama.

¹⁵ Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam tafsirnya mengatakan bahawa ketiga-tiga kriteria atau elemen tersebut iaitu; amar makruf, nahi munkar dan beriman kepada Allah ini adalah prasyarat kepada sifat 'Khayr Ummah' yang dikurniakan itu, lihat al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, jil. 7-8: hal. 179-181.

dijauhi¹⁶. Ini secara jelas menuntut umat Islam yang akan memikul tanggungjawab dakwah tersebut mengetahui dan memahami ajaran-ajaran Islam secara lengkap dan menyeluruh agar makruf dan mungkar yang diperkatakannya mencakupi pelbagai makruf dan mungkar yang disahkan oleh Islam. Pengetahuan dan kefahaman ini akan mampu menghindarkan kita dari terkeliru disebabkan terpedaya dengan keseronokan keduniaan sehingga menganggap apa yang mungkar di sisi Islam itu sebagai makruf dan yang makruf di sisi Islam itu munkar, lalu tergolong bersama golongan munafiq yang menyeru kepada kemungkaran dan menjauhkan daripada perkara-perkara yang makruf¹⁷.

Dengan ini, autoriti penyeru kepada yang makruf dan pencegah dari yang mungkar adalah autoriti yang berasaskan kualiti keilmuan dan kefahaman Islam yang lengkap dan mereka ini bertanggungjawab dalam merangka program dan plan tindakan yang sesuai untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, kedudukan dan kepentingan ilmu dan institusi keilmuan sememangnya tidak dapat dinafikan atau dikesampingkan dalam usaha memupuk dan memastikan segala kriteria penting umat Islam ini dapat dicapai.

Seterusnya, dilihat dari sudut yang lain pula, beriman kepada Allah SWT dengan sendirinya menuntut keimanan kepada rukun-rukun iman yang lain, khususnya lima rukun iman iaitu beriman kepada para rasul, kitab, malaikat, hari akhirat dan qada' dan qadar¹⁸. Keimanan kepada Allah SWT dengan panduan perundangan yang terjaga, iaitu al-Qur'an, dan contoh sahsiah ikutan dan sunnah pelaksanaan yang menyeluruh yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w., di samping iman terhadap hakikat makhluk malaikat yang menjadi lambang ketaatan yang tidak berbelah bahagi dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap Allah SWT, iman terhadap hari Akhirat yang merupakan medan penilaian dan penghukuman yang abadi, dan iman serta penghayatan konsep qada' dan qadar yang akan memandu sikap dan tindakan manusia dalam

¹⁶ Ini ditegaskan dalam al-Qur'an misalnya *al-Hasyr*, 59: 7 dan *al-Tawbah*, 9: 112. Imam al-Suyuti ketika mentafsirkan ayat *Ali 'Imran*, 3: 104 memetik suatu kenyataan yang diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim dari Abi al-'Aliyah yang berkata: "Setiap ayat yang Allah perkatakan dalam al-Qur'an tentang amar makruf adalah [bermaksud] Islam dan tentang mencegah dari kemungkaran adalah [bermaksud] ibadat syaitan" atau dalam satu riwayat lainnya "yang melakukan maksiat", lihat al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, 2: 289. Tentang perbincangan persoalan nilai ini lihat juga Mohd Farid Mohd Shahrani (2004), 'Menghadapi Cabaran Penisbian Nilai (Moral Subjectivism): Agama Sebagai Asas Kekuatan Akhlak', dalam *Jurnal Afkar*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil. 5: hal. 147-170.

¹⁷ Lihat *al-Tawbah*, 9: 67. Bandingkan dengan *al-Baqarah*, 2: 216; *al-Hadid*, 57:14-15 dan 20.

¹⁸ Lihat al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, jil. 7-8: hal. 181.

mengharungi hidup, semua ini mampu melahirkan seseorang atau suatu umat yang tegas, teguh, bervisi dan bermisi suci lagi diredhai, individu dan umat yang hanya akan mengiktiraf bahawa kemuliaan hanyalah milik Allah SWT, rasul dan kaum Mukmin sebagaimana yang digambarkan dalam Surah *al-Munafiqun*, (63: 8):

يقولون لئن رجعنا إلى المدينة ليخرجن الأعز منها الأذل والله العزة ولسوله
وللمؤمنين ولكن المنافقين لا يعلمون

Maksudnya: “Mereka berkata: ‘Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah, benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah daripadanya’. Padahal kekuatan itu hanya bagi Allah, bagi RasulNya dan bagi orang-orang Mukmin, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui”

Akhirnya hanya individu dan umat yang sebegini sahaja yang boleh diharapkan kepada mereka pelaksanaan dua tugas besar di atas, iaitu tugas amar makruf dan nahi mungkar, dan seterusnya mendokong peranan membangunkan ummah secara keseluruhannya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, banyak pengajaran yang dapat diambil dari mentelaah intisari ayat di atas. Antara yang terpenting ialah sebagaimana berikut:

- i. Umat Islam perlu sedar bahawa mereka adalah sebaik-baik ummah yang dilahirkan untuk membimbing manusia ke arah kemakmuran dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.
- ii. Keistimewaan ini walau bagaimanapun bersyarat, iaitu mereka hendaklah konsisten dalam melaksanakan tugas mereka sebagai khalifah Allah di muka bumi; mendokong keimanan kepada Allah SWT, menyeru kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar.
- iii. Tugas dan misi murni ini hanya akan berisi dan mampu mencapai sasarannya jika ianya dilandaskan di atas landasan dan dorongan ilmu yang jelas dan keikhlasan yang jitu.
- iv. Secara tidak langsung, kemunduran dan keruntuhan kredibiliti umat Islam boleh dikaitkan dengan kegagalan mereka mempertahankan, memperjuang dan melaksanakan tugas dan misi di atas dengan sebaiknya.